

24 DEC 1999

ZALEHA SETUJU TINDAKAN TERHADAP AHLI PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Anggota Parlimen Gombak Datin Paduka Zaleha Ismail bersetuju supaya Barisan Nasional (BN) menggugurkan Anggota Parlimennya yang tidak hadir pada sesi persidangan Dewan Rakyat, sebagai calon pada pilihan raya akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika memberi amaran demikian semalam, berkata Anggota Parlimen BN yang tidak hadir sidang Dewan Rakyat mungkin tidak disenaraikan sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang.

Zaleha berkata adalah penting bagi Anggota Parlimen menghadiri persidangan Dewan Rakyat kerana dalam perbincangan mungkin timbul sesuatu perkara penting mengenai mereka atau kawasan mereka.

"Memang patut Anggota Parlimen menghadiri persidangan, kerana itulah peluang bagi mereka menyampaikan pandangan, pendapat dan masalah dalam kawasan mereka, " katanya pada persidangan media selepas menyampaikan 140 hamper makanan Yayasan Kebajikan Negeri kepada pesakit-pesakit di Hospital Orang Asli Gombak, di sini, hari ini.

Beliau berkata mereka boleh memberikan pandangan, sama ada menegur jabatan atau agensi untuk memperbaiki pengurusan dan pentadbiran kerajaan.

Ini cara paling berkesan kerana Anggota Parlimen bukan saja bertanggungjawab kepada partimereka, tetapi juga pemilih di kawasan masing-masing.

"Bagi saya, tiada masalah untuk menghadiri persidangan Dewan Rakyat, kerana saya tinggal dalam kawasan yang saya wakili, " katanya.

-- BERNAMA

MEO zb